

HADIS DAN GERHANA

Daripada Abdullah Ibnu 'Abbas Radhi'allahu'anhu berkata, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

"Sesungguhnya Matahari dan Bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kekuatan dan kebesaran Allah. Keduanya tidaklah terjadi gerhana kerana kematian seseorang, tidak pula kerana kehidupan seseorang. Apabila kamu melihat demikian, maka berzikirlah kepada Allah"
(H.R. Bukhari)

JENIS-JENIS GERHANA

GERHANA BULAN PENUH

Gerhana Bulan Penuh berlaku apabila keseluruhan bulatan Bulan masuk ke dalam bayangan umbra Bumi. Pada ketika ini, kita akan dapat melihat bayangan Bumi pada Bulan.



GERHANA BULAN SEPARA

Gerhana Bulan Separa berlaku apabila sebahagian Bulan sahaja yang masuk ke dalam umbra Bumi, dan sebahagiannya lagi berada dalam bayangan penumbra Bumi pada saat kemuncak fenomena ini berlaku.



GERHANA BULAN PENUMBRA

Gerhana ini berlaku ketika Bulan keseluruhannya masuk ke dalam penumbra Bumi. Gerhana ini tidak membawa sebarang perubahan dalam proses kenampakan Bulan itu sendiri, gerhana hampir-hampir tidak dapat dibezakan dengan Bulan purnama biasa.



INFO GERHANA BULAN

BAHAGIAN FALAK SYARIE
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA,
ARAS 2 & 3, IMARAH A, PUSAT ISLAM MELAKA,
JALAN BUKIT PALAH, 75400 MELAKA

TEL : 06-2847920 / 21 FAKS : 06-2848144
WEBSITE : muftimelaka.gov.my
EMAIL : jkmufti@gmail.com


BULAN

Bulan merupakan satu-satunya satelit semulajadi bagi planet Bumi.

Bulan merupakan satelit kelima terbesar di dalam Sistem Suria.

Bulan tidak mempunyai cahaya tersendiri dan cahaya Bulan sebenarnya merupakan cahaya yang berasal daripada pantulan cahaya Matahari.

Jarak purata Bulan ke Bumi adalah 384,403 km. hampir keseluruhan permukaan di Bulan dilitupi dengan kawah.



GERHANA BULAN

Gerhana Bulan adalah satu fenomena yang berlaku ketika Bulan purnama. Ketika itu Bulan akan berada bersejajarnya dengan planet Bumi dan terlindung daripada matahari.

Oleh itu, bulatan Bulan boleh masuk ke dalam bayang Bumi akan menghilang.

Gerhana Bulan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu :

- Gerhana bulan Penuh
- Gerhana Bulan Separa
- Gerhana Bulan Penumbra



AL-QURAN DAN GERHANA

Firman Allah yang bermaksud:
"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal, iaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri dan duduk dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (Ialu berkata/berdoa : Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami dari seksa neraka)

(Ali-'Imran : 190-191)